

Graduan pendidikan sukar dapat kerja

Utusan Malaysia
26 Julai 2018

KUALA LUMPUR 25 Julai - Beberapa graduan pendidikan yang dihubungi memaklumkan kesukaran mereka untuk mendapatkan pekerjaan memandangkan majikan sering menolak permohonan mereka kerana mempunyai ijazah pendidikan.

Alasan yang diberikan kebiasaannya kerana graduan dikhuatiri meninggalkan jawatan selepas menerima penempatan dan anggapan bahawa graduan hanya mempunyai kemahiran mengajar, bukan kemahiran amali dalam sesuatu bidang.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Sains Pertanian, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Asiah Shahrulzaman**, 25, berkata, usahanya memohon pekerjaan sebelum ini sering gagal kerana majikan tidak yakin dengan kemampuannya untuk

bekerja di luar bidang pendidikan.

"Saya pernah cuba mohon pekerjaan di pejabat pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tetapi ditolak kerana saya pemegang ijazah pendidikan, mereka berpandangan saya hanya tahu mengajar.

"Malah, saya diterima bekerja sebagai penyambut tetamu sekarang pun selepas terpaksa menipu dengan memberitahu saya hanya ada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Saya mengaku mempunyai ijazah pendidikan hanya selepas diterima, mujur majikan tidak ambil apa-apa tindakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia baru-baru ini



ASIAH

mendedahkan terdapat kira-kira 6,500 graduan pendidikan yang masih belum mendapat tempat sebagai dan ada antara mereka yang bekerja sebagai pekerja pembersihan serta penoreh getah sementara menunggu penempatan.

Isu ini dijangka menjadi lebih rumit apabila *Utusan Malaysia* mendapati terdapat dua lagi universiti menawarkan pengambilan untuk Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) yang membuka peluang graduan bukan pendidikan memasuki pasaran kerja sebagai guru sekali gus menambah lagi lambakan graduan yang menunggu penempatan sebagai guru.

Namun begitu, Menteri Pen-

didikan, Dr. Maszlee Malik mengumumkan semalam bahawa isu itu sudah berada dalam perhatian kementerianya dan penyelesaian akan diumumkan setelah kajian diselesaikan kelak.

Sementara itu, seorang lagi graduan, **Nur Syamimi Abu Bakar**, 25, berkata, dia terpaksa menganggur buat sementara waktu setelah khidmatnya sebagai guru ganti tamat dan kini pengambilan guru ganti di daerahnya dibekukan seketika.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan (Pengajian Bahasa Melayu) Universiti Sains Malaysia (USM) ini juga pernah memohon jawatan guru di sebuah sekolah swasta di Masai, Johor namun ditolak dengan alasan dikhuatiri meninggalkan jawatan selepas diluluskan penempatan kelak.